



UMT peruntuk RM1 juta zakat kepada pelajar asnaf

Oleh [Faizul Azlan Razak](#) - Disember 11, 2022 @ 1:12pm
bhnews@bh.com.my



Sultanah Terengganu merangkap Canselor UMT, Sultanah Nur Zahirah berkenan hadir ke Majlis Konvokesyen UMT Ke-20 di Dewan Sultan Mizan, Kuala Nerus, hari ini. - Foto NSTP/Faizul Azlan Razak

KUALA NERUS: Lebih RM1 juta diperuntukkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk bantuan zakat kepada 1,582 pelajarnya sepanjang tahun ini.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata bagi pendaftaran pelajar baharu seramai 500 asnaf menerima Dermasiswa Al-Ikhlas berjumlah RM250,000.

"UMT sentiasa komited dalam meningkatkan kesejahteraan pelajar dan sepanjang tahun ini, bantuan zakat yang disalurkan berjumlah lebih RM1 juta.

"Selain itu, UMT juga akan memperkenalkan program AsnafPro iaitu pembiayaan penuh biasiswa zakat UMT kepada pelajar terpilih," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Konvokesyen UMT Ke-20 disempurnakan Sultanah Terengganu merangkap Canselor UMT, Sultanah Nur Zahirah di Dewan Sultan Mizan di sini, hari ini.

Turut berkenan berangkat pada majlis itu Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Mazlan berkata, pada majlis itu seramai 1,592 orang graduan menerima ijazah masing-masing.

"Daripada jumlah itu, 33 penerima Ijazah Doktor Falsafah, 129 penerima Ijazah Sarjana, 1,297 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 133 penerima Diploma," katanya.